

Minggu Saham Bersiaran di Platform Digital

Acara anjuran PNB bermula hari ini bawa kelainan

Setiap tahun selama dua dekad, Permodalan Nasional Bhd (PNB) telah berjaya memperkenalkan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) untuk masyarakat Malaysia mengenali PNB dan syarikat pelaburannya.

MSAM bermula sebagai sebuah pameran yang sederhana bertujuan untuk mendidik para pemegang unit mengenai unit amanah, pelaburan serta konsep risiko dan pulangan, termasuk pengurusan kewangan.

Ia juga untuk memberi peluang kepada pemegang unit PNB mendapat gambaran bagaimana pelaburan mereka menyumbang kepada kekuatan ekonomi Malaysia.

Acara MSAM telah menjadi sebuah platform interaktif bagi rakyat Malaysia mengenali PNB dan syarikat-syarikat pelaburannya dengan lebih mendalam dan platform ini berjaya menarik sejumlah 3.9 juta pengunjung sejak ia dilancarkan.

Pada tahun ini, PNB akan memperkenalkan Minggu Saham Digital (MSD) sebagai adaptasi dan pengganti moden kepada MSAM yang selama ini dianjurkan secara bersemuka.

PNB berminat untuk terus menyampaikan kandungan yang berkualiti dan pengalaman menyeluruh kepada peserta di samping melaksanakan tiga objektif utamanya iaitu mempromosikan PNB dan syarikat-syarikat pelaburannya, menerajui usaha digital dan memperluasaskan jangkauan digital mereka.

Selaras dengan perkembangan transformasi digital, PNB julung kalinya akan menganjurkan MSD secara maya bermula dari 18 hingga 24 November ini.

Sepanjang tujuh hari ini, rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat dapat menyaksikan secara langsung melalui Facebook dan YouTube antara jam 12.30 tengah hari hingga 10.30 malam.

Rebut hadiah lumayan

Bagi menyemarakkan lagi MSD, pelbagai aktiviti dianjurkan termasuk Eh Mana Kod? Yang menawarkan hadiah-hadiah bernilai lebih RM500,000.

Pencarian harta karun secara maya Eh Mana Kod? telah bermula dan akan berlangsung sehingga jam 11.59 malam pada 30 November. Sepanjang tempoh peraduan, para peserta perlu mengumpul sebilangan besar kod tersembunyi yang terdapat dalam semua video yang disiarkan di media sosial MSD dan juga di laman web MSD.

Semua peserta berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik seperti:

- 1 x Ford Ranger 2.0L XLT Plus 4WD 10AT YM2020 bernilai RM130,000.
- 1 x Toyota Vios 1.5G (AT) bernilai RM90,000.
- 1 x Yamaha R25 bernilai RM21,500.



- 8 x Honda Dash 125 S bernilai RM6,000.
- 10 x Raiz Wang Tunai bernilai RM250.

Para peserta perlu mendaftar sekarang di laman web MSD untuk menjadi antara 2,500 peserta bertuah yang bertanding bagi memenangi e-baucar Lazada bernilai RM50 setiap satu. Pemenang akan diumumkan dalam tempoh acara MSD 2020 berlangsung iaitu antara 18 hingga 23 November melalui laman Facebook MSD.

Bagi menjayakan MSD, PNB berkolaboratif dengan rakan korporat yang terdiri daripada tiga peringkat iaitu:

Kategori Rakan Premier

- Maybank Berhad
- Sime Darby Plantation Berhad
- UMW Holdings Berhad

Kategori Rakan Utama

- Sime Darby Berhad
- Sime Darby Property Berhad
- SP Setia Berhad
- MIDF Berhad
- Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (Perodua)

Kategori Rakan

- MNRB Holdings Berhad
- CCM Berhad
- Duopharma Biotech Berhad
- Velesto Energy Berhad
- Sapura Energy Berhad
- Projek Lintasan Kota Holdings (Prolintas)

Celik kewangan


Program yang bersifat kewangan merupakan fokus dan agenda MSD. Pendidikan kewangan untuk orang awam akan terus menjadi keutamaan PNB untuk diperkenalkan kepada masyarakat ke arah celik kewangan. Enam program berkaitan kewangan disediakan sepanjang MSD.

gan Syariah yang dibawakan oleh MNRB Holdings Berhad. Rancangan ini menampilkan Imam Muda Asyraf dan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Berhad, Nor Azman Zainal.



4 Sembang-Sembang ASNB

Siri forum bual bicara membincangkan topik-topik utama untuk memperkasakan diri dengan ilmu kewangan. 'Sembang-Sembang ASNB' menjemput peneraju industri untuk berkongsi rahsia dan kepakaran mereka.



5 Asia School of Business (ASB)-Iclif MBA Masterclass

Memperkayakan ilmu pengetahuan dalam dunia kewangan, keusahawanan dan pelaburan bersama para penceramah antarabangsa dalam siri 'Asia School of Business-Iclif MBA Masterclass'.


6 1-on-1 Advisors

Jika orang ramai mempunyai sebarang pertanyaan, tempah janji temu peribadi SEKARANG melalui bo-rang Khidmat Nasihat 1-1 yang terdapat di microsite PNB dalam pautan di bio. Pilih topik anda sama ada pembiayaan ASB ataupun amanah saham kerana slot-slot dari 18 hingga 24 November adalah terhad!



1 Cikgu CEO

Program ini dipersembahkan oleh PNB bersama Maybank Berhad dan UMW Holdings Berhad. MSD akan menjadi hos sebuah siri webinar topikal yang interaktif dan mudah diikuti yang memaparkan soalan daripada golongan belia Malaysia dalam interaksi maya bersama para CEO dengan harapan untuk mendidik peserta mengenai kepentingan literasi kewangan.



2 Makan Dulu

Perbincangan secara santai bertarbelakangan suasana di kedai kopi untuk menggalakkan topik perbincangan mengenai kewangan, pelaburan, keusahawanan dan ekonomi dengan ahli panel yang juga pemimpin industri. Rancangan bual bicara ini dibawa kepada penonton oleh UMW Holdings Berhad, Maybank Berhad dan MIDF Berhad.



3 Forum Kewangan Syariah

Mereka yang berminat dengan topik Kewangan Islam semasa dialu-alukan menonton Forum Kew-

